

Soalan No :72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

TARIKH : 12.3.2015

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyediakan perlindungan insurans takaful kemalangan kepada para guru khususnya bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti di luar sekolah dan jika tiada, apakah faedah kebijikan lain yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited menjaga kebijikan dan keselamatan guru-guru dalam memastikan aktiviti ko-kurikulum dapat dijalankan dengan sempurna dan selamat. KPM telah mengadakan perbincangan bersama wakil-wakil persatuan guru berkaitan perlindungan insurans kepada para guru dan meminta pihak persatuan mengemukakan cadangan perlindungan insurans.

Pada masa ini, KPM telah menyalurkan bantuan persekolahan di bawah Bantuan Geran Per Kapita (PCG) dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) yang membolehkan peruntukan dibelanjakan untuk

178
pembelian polisi atau perlindungan insurans kepada murid dan guru pengiring bagi semua aktiviti ko-kurikulum di sekolah dan asrama.

Hal ini termaktub dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8/2012 : Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Perkapita dan Enrolmen Murid dan dan Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) bagi pegawai kerajaan yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi. Peruntukan ini disalurkan terus ke semua jenis Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan di seluruh Malaysia.

RJM26

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 12 MAC 2015

RUJUKAN : 7509

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kes penculikan yang dilaporkan berlaku di kawasan perairan Sabah sejak tahun 2000 hingga Disember 2014; dan
- (b) berapakah jumlah wang tebusan yang dibayar kepada penjenayah-penjenayah ini.

18

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks yang memerlukan penglibatan semua pihak untuk mengekang jenayah ini dari terus berlaku. Kejadian culik bukan sahaja menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan keluarga, ianya juga boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat dan memberi kesan kepada maruah negara apabila melibatkan penculikan kepada warga asing yang melancong atau menetap di negara ini. Pihak Kementerian khususnya pihak PDRM sentiasa memberi perhatian yang khusus untuk mengendalikan kes penculikan secara serius dengan mewujudkan cawangan dan operasi khas (*ops Scorpions*) untuk menyelesaikan sebarang kes penculikan yang berlaku di dalam negara.

Statistik kes Penculikan untuk tebusan yang berlaku di negeri Sabah bagi tahun 2004 sehingga tahun 2014 seperti berikut:-

BIL	KONTINJEN	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
1.	Sabah	3	0	0	0	0	0	3	0	2	1	4	13

Bagi menjawab soalan (b), pihak Kerajaan tidak pernah membayar sebarang wang tebusan kepada pihak Militan Filipina bagi membebaskan mereka yang diculik oleh puak militan berkenaan. Pihak PDRM juga tidak didedahkan sebarang maklumat mengenai proses rundingan secara terus dan jumlah pampasan yang dibayar kepada pihak militan oleh keluarga atau pihak lain dalam semua urusan pembebasan tebusan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.